

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR  
@ YUSRE BIN MOHD AKIN  
[HANG TUAH JAYA]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah analisis atau kaedah yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan pelaburan-pelaburan yang masuk ke dalam negara berkualiti tinggi dan mampu membantu menjana ekonomi berimpak tinggi pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Persekitaran ekonomi global pasca COVID-19 adalah sangat mencabar dan telah memberi kesan terhadap ekonomi utama di seluruh dunia. Meskipun berhadapan dengan banyak cabaran, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) komited untuk memastikan Malaysia terus kekal sebagai lokasi yang mesra pelabur dan pelaburan yang masuk ke dalam negara adalah berkualiti tinggi yang mampu membantu menjana ekonomi berimpak tinggi pasca COVID-19.
2. Malaysia kini tidak lagi menerima pelaburan yang mempunyai elemen *low-end assembly-type operations* dan *labour-intensive projects*. Kerajaan sedar akan keperluan dan kepentingan untuk membangunkan sektor-sektor industri yang berteraskan teknologi tinggi dan mempunyai

nilai tambah terhadap ekosistem industri di negara ini sebagai usaha untuk terus mengekalkan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang kompetitif bagi pelaburan syarikat-syarikat global terkemuka.

3. Bagi tempoh **Januari sehingga Jun 2021**, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi merangkumi sektor **perkilangan, perkhidmatan dan utama adalah berjumlah RM107.5 bilion** iaitu peningkatan sebanyak 69.8 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (RM63.3 bilion). Sektor perkilangan adalah penyumbang terbesar kepada nilai pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM66.9 bilion, diikuti sektor perkhidmatan dengan pelaburan sebanyak RM34.1 bilion dan sektor utama dengan pelaburan berjumlah RM6.5 bilion. Pelaburan yang diluluskan dalam tempoh ini membabitkan 2,110 projek dan dijangka akan mewujudkan 44,994 peluang pekerjaan baharu.

4. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi, pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak RM62.5 bilion iaitu lonjakan sebanyak 214.9 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Malah, lonjakan FDI adalah lebih tinggi dalam sektor perkilangan iaitu 223.1 peratus.

5. Peningkatan FDI pada separuh pertama 2021 membuktikan Malaysia kekal menjadi destinasi pelaburan utama meskipun negara masih berdepan dengan cabaran akibat pandemik yang melanda dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam usaha untuk memastikan negara kita terus menerima pelaburan yang berkualiti tinggi, MITI dan MIDA sentiasa mengadakan *townhall session* bersama dewan perniagaan dan komuniti perniagaan antarabangsa seperti *American-Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM)*, *Malaysian-German Chamber of Commerce (MGCC)*, *British-Malaysian Chamber of Commerce (BMCC)*, *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry (MFCCI)*, *Japanese Chamber of Trade & Industry, Malaysia (JACTIM)*, *Korea Trade Promotion Investment Agency (KOTRA)* dan *EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUROCHAM)*.

7. Sesi *townhall* ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada komuniti perniagaan antarabangsa dan wakil-wakil syarikat mengenai prestasi dan operasi perniagaan syarikat dalam situasi pandemik COVID-19. Maklum balas dan cadangan yang dikemukakan oleh komuniti ini telah digunakan untuk menambahbaik usaha Kerajaan dalam menangani cabaran yang dihadapi pihak industri dan merangka polisi penggalakan pelaburan pasca COVID-19 yang bersesuaian dan tepat.

8. Sesi *townhall* ini juga digunakan untuk mengoptimumkan jaringan komunikasi dewan perniagaan antarabangsa dalam menyampaikan hasrat Kerajaan untuk menarik syarikat-syarikat multinasional yang berteknologi tinggi agar terus memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Selain itu, Jawatankuasa Nasional mengenai Pelaburan (*National Committee on Investment - NCI*) yang telah ditubuhkan di bawah MIDA pada Mei 2010 juga merupakan platform tunggal untuk menimbalangkan projek pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan tertentu di Malaysia, secara masa nyata (*real-time*) bagi mengurangkan kerentak birokrasi dan mempercepatkan kelulusan projek-projek yang disasarkan.

10. Bagi menambah baik proses kelulusan projek pelaburan di Malaysia, mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019 telah bersetuju agar NCI diperkasakan sebagai jawatankuasa tunggal untuk menimbang permohonan insentif cukai dan geran di peringkat nasional yang melibatkan semua agensi-agensi penggalakan pelaburan di seluruh Malaysia.

11. NCI yang telah diperkasakan ini dipengerusikan secara bersama oleh MITI dan Kementerian Kewangan (MOF), dan akan mempertimbang projek pelaburan yang dikendalikan oleh agensi-agensi penggalakan pelaburan lain di peringkat koridor wilayah serta kementerian atau jabatan atau agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC), Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioekonomi) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

12. Dalam memastikan projek-projek pelaburan yang diluluskan dapat menyumbang kepada pembangunan ekosistem pelaburan, NCI akan menetapkan syarat-syarat tertentu di dalam kelulusan, antara lain, yang meliputi pelaburan harta tetap, perbelanjaan operasi tahunan, nilai ditambah bagi keluaran atau aktiviti syarikat dan jumlah kakitangan di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Selain itu, bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, NCI turut menetapkan syarat jumlah guna tenaga sepenuh bagi rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 80 peratus. Untuk menggalakkan pemindahan teknologi dan penjanaan bakat tempatan berkemahiran tinggi bagi projek-projek tertentu, NCI turut menetapkan syarat kolaborasi di antara pihak industri dengan institusi pengajian tinggi atau penyelidikan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Mulai tahun 2012, NCI telah mengguna pakai pendekatan Analisis Kos-Faedah (*Cost-Benefit Analysis – CBA*) sebagai mekanisme penilaian kuantitatif dan kualitatif untuk setiap permohonan bagi mendapatkan insentif fiskal dan bukan fiskal. Pendekatan CBA ini telah ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaburan yang diluluskan adalah benar-benar berkualiti. Antara indikator bagi projek berkualiti adalah projek yang berintensifkan modal, pengetahuan, teknologi dan bernilai tambah tinggi serta kesan limpahan (*spin-off effects*) yang tinggi kepada ekonomi negara.

14. Secara kesimpulannya, meskipun pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap pelaburan global, MITI bersama-sama agensi di bawahnya akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai langkah strategik dan proaktif bagi memastikan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi dibawa masuk selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, memperluas rangkaian domestik dan mewujudkan ekosistem pelaburan dan perniagaan yang kondusif dan dinamik, di samping menjana ekonomi mampan pasca COVID-19.

Sekian, terima kasih.